



30 Januari 2018
30 January 2018
P.U. (A) 18

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 3) 2018

ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD) (FEDERAL ROADS) (NO. 3) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 3) 2018

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 44/2018 yang disiarkan pada 22 Januari 2018, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 3) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 5 Februari 2018.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1) <i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	(2) <i>Jalan Arah</i>	(3) <i>Tempoh Larangan</i>
Sebahagian lorong motosikal di Laluan 2, Lebuhraya Persekutuan bermula dari km 30.6 hingga km 32.0 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Motosikal dari Klang ke Kuala Lumpur dan sebaliknya hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	5 Februari 2018 hingga 10 Jun 2018